

# KORPORAT

Bil.142/2024

## UITM DALAM SEJARAH

### KEJOHANAN OLAHRAGA LIMA PENJURU "ITM CAWANGAN JOHOR SAPU BERSIH"



*Dato' Haji Abdul  
Latiff Sahan  
sedang  
menyampaikan  
cenderamata  
kepada salah  
seorang ketua  
kontinjen*

Pasukan ITM Cawangan Johor telah membolot tiga hadiah besar dalam Kejohanan Olahraga Lima Penjuru Kali Pertama yang diadakan di Kompleks ITM Cawangan Johor selama dua hari mulai 21 hingga 22 September 1991.

Pasukan ini telah memenangi kategori Pasukan Terbaik keseluruhan bagi merebut piala pusingan sumbangan ITM Melaka, Kategori Pasukan Wanita Terbaik bagi merebut piala pusingan sumbangan ITM Pahang dan kategori Pasukan Lelaki Terbaik bagi merebut piala pusingan sumbangan ITM Terengganu. Pasukan ITM Cawangan Johor juga telah memenangi Pasukan Perbarisan Terbaik di mana pasukannya telah memakai pakaian yang melambangkan 'Malaysia Cergas'.

Pasukan ITM Cawangan Johor telah Berjaya mendapat mata tertinggi iaitu sebanyak 235 mata, diikuti oleh ITM Cawangan Terengganu dengan 60 mata, ITM Cawangan Pahang dengan 56 mata dan ITM Cawangan Kelantan dengan 29 mata.

Upacara perasmian kejohanan ini telah dilakukan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Abdul Latiff bin Sahan, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan yang juga Ahli Majlis ITM. Turut hadir ialah Yang Berbahagia Dato' Dr Haji Mohd Mansor Haji Salleh, Pengarah ITM dan isteri, Pengetua ITM Cawangan Johor, Encik Alias Ramli, Ustaz Haji Hayyun Haji Nawawi, Timbalan Pengetua HEP ITM Cawangan Johor serta wakil-wakil Pengetua ITM Cawangan yang mengambil bahagian serta wakil Pengetua ITM Cawangan Perak

#### Rujukan:

Kejohanan Olahraga Lima Penjuru "ITM CAWANGAN JOHOR SAPU BERSIH". (Bil.54, September 1991). Berita ITM, p. 16.